

26 JUL 2003

Shafie-Pesara

JANGAN BERGANTUNG KEPADA KONTRAK KEMENTAH SAHAJA, KATA SHAFIE

KEPALA BATAS, 26 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohamad Shafie Apdal hari ini berkata usahawan di kalangan pesara tentera tidak seharusnya bergantung kepada projek atau kontrak dari Kementerian Pertahanan.

Beliau berkata mereka tidak boleh mengasingkan diri daripada masyarakat peniaga lain sebaliknya perlu menjalin hubungan dengan pelbagai pihak untuk merebut peluang perniagaan.

"Jangan tumpukan kepada kontrak di Kementerian Pertahanan sahaja kerana kerajaan juga menyediakan banyak peluang perniagaan atau projek di kementerian dan agensi lain yang perlu direbut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia Cawangan Pulau Pinang (DPBTMPP) di sini.

Bagi pesara tentera di Pulau Pinang, mereka boleh menjalin hubungan dengan pihak industri pembuatan untuk mendapatkan maklumat bagi meneroka peluang perniagaan yang terbuka luas, katanya ketika diminta mengulas saranan Yang di pertua DPBTMPP Ahmad Sobri Abdullah semasa berucap di majlis itu yang mahukan kementerian memberi keutamaan kepada bekas tentera bagi projek di pangkalan tentera.

"Pesara tentera tidak harus ada pendekatan pengasingan diri dalam dunia perniagaan dan perlu mempunyai rangkaian rakan niaga dan persahabatan tanpa mengira agama dan kaum untuk muncul sebagai ahli perniagaan yang berjaya," kata Shafie.

Pada perkembangan lain, Shafie berkata bagi menyemai semangat cintakan negara, kementerian itu dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan menganjurkan hari patriotik sempena Hari Pahlawan pada 31 Julai ini yang akan disambut di semua sekolah di seluruh negara.

Shafie berkata beliau akan melancarkan program itu di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong 7, Negeri Sembilan serentak dengan pelancaran Hari Pahlawan di Tugu Peringatan Pahlawan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada hari itu, semua sekolah di seluruh negara akan mengadakan perhimpunan serentak diikuti dengan nyanyian lagu Negaraku bagi menyemai semangat cintakan negara di kalangan generasi muda," katanya.

Shafie berkata hari patriotik kali ini mempunyai kelainan dengan mereka yang menderma bagi Rayuan Hari Pahlawan, akan diberi cenderahati berbentuk bunga raya yang bermutu sebagai tanda penghargaan kepada mereka.

Sebelum ini, penderma yang memberi sumbangan melalui surat rayuan Hari Pahlawan tidak diberi sebarang cenderahati.

"Kali ini, kita menyediakan tiga juta bunga raya untuk diberikan kepada penderma," katanya.

-- BERNAMA

NH BK MOZ